

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Sarawak contoh perincian kes pada fasa endemik

Pesakit kategori tiga hingga lima hanya 4 kes daripada 3,714 jangkitan kelmarin

Oleh Luqman Arif Abdul Karim dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Fasa endemik Malaysia yang dijangka bermula hujung bulan depan, akan menyaksikan bilangan kes COVID-19 bagi kategori tiga hingga lima, hanya membabitkan beberapa kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata mengambil contoh kes COVID-19 di Sarawak, kelmarin, negeri itu mencatatkan 3,714 kes, namun perincian klinikal bagi kategori tiga hingga lima adalah empat kes atau mewakili 0.11 peratus.

"Perincian kes bagi Sarawak berdasarkan kategori klinikal, mendapati 3,710 kes atau sebanyak 99.98 peratus adalah kategori satu dan dua.

"Ini sekali gus menunjukkan bagaimana kita hidup dalam en-

demik, walaupun keseluruhan kes mencatatkan bilangan tinggi, hanya empat kes dalam kategori tiga hingga lima," katanya menerusi hantaran di Facebook malam kelmarin.

Dalam pada itu, beliau turut berkongsi pecahan kes COVID-19 di Sarawak yang memperincikan semua kategori.

Katanya, bilangan kes bagi kategori satu yang mana tiada gejala merekodkan 3,251 kes atau 87.53 peratus, diikuti kategori dua 459 kes atau 12.36 peratus dengan tahap jangkitan bergejala ringan.

Seterusnya bagi kategori tiga mempunyai jangkitan paru-paru, kes di Sarawak semalam merekodkan dua kes atau 0.05 peratus, diikuti tahap empat yang mana tiada pesakit mengalami jangkitan paru-paru serta bantuan oksigen.

Bagi kategori lima iaitu pesakit COVID-19 yang mengalami jangkitan paru-paru dan memerlukan ventilator, dua kes atau 0.05 peratus.

Dr Noor Hisham berkata, walaupun Sarawak semalam merekodkan jangkitan baharu tertinggi iaitu 3,714 kes, bilangan kes itu adalah ramai membabitkan kategori satu dan dua, iaitu 99.98 peratus iaitu 3,710 kes.

Daripada data itu, jumlah kes baharu COVID-19 semalam men-

catat penurunan apabila merekodkan 17,352 kes berbanding 20,396 kes semalam.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam (Epidemiologi & Biostatistik) Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmad Zaid Fattah Azman, berkata rakyat dijangka lebih yakin untuk beralih ke fasa endemik, sekiranya kadar kematian akibat COVID-19 terkawal.

Selain angka korban, petunjuk lain yang bakal menjadi asas meningkatkan keyakinan rakyat untuk hidup bersama virus itu ialah penurunan jumlah kes Kategori 4 dan 5 di hospital.

Katanya, endemik bermaksud sesuatu penyakit, termasuk virus, tidak dapat dihapuskan daripada terus menular dalam masyarakat seperti influenza dan denggi.

"Justeru, kita perlu menerima hakikat bahawa COVID-19 juga akan menjadi endemik di negara ini kerana penularan masih berlaku, khususnya berikutan jangkitan tanpa gejala.

"Cuma, yang menjadi kekhawatiran kepada masyarakat untuk beralih ke fasa endemik dan hidup bersama virus ialah kadar kematian serta kes kemasukan ke hospital.

"Sabun hari, ratusan kematian direkodkan. Justeru, masyarakat masih bimbang dengan bahaya

virus itu dan menjadi punca ramai belum berani menjalani kehidupan seperti biasa, termasuk makan di kedai.

"Oleh itu, kita perlu meningkatkan liputan vaksinasi dahulu demi mencapai imuniti kelompok, sebelum berlaku 'inflection point' (titik perubahan) yang menyaksikan penurunan kadar kematian secara mendadak," katanya kepada BH.

Pakar kesihatan pekerjaan, kecemasan dan kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun, pula berpendapat hanya dua kerangka SOP harus diwujudkan apabila Malaysia beralih ke fasa endemik, akhir bulan depan bagi memudahkan pemahaman dan rujukan.

Dua kerangka SOP itu diperincikan secara lengkap dalam aplikasi MySejahtera, berbanding dipaparkan dalam laman web agensi berkaitan.

"Dua kerangka ini ialah SOP untuk umum yang mana bakal menyaksikan semua sektor dibuka seperti biasa, tetapi tiga perkara, iaitu pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan penggunaan ceair pembasmian kuman masih dikekalkan.

"Satu lagi SOP ialah untuk kawasan khusus merekodkan penularan jangkitan-atau boleh disamakan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sebelum ini," katanya.

2 negeri catat penggunaan katil ICU melebihi 100 peratus

Kuala Lumpur: Sebanyak 18,547 kes baharu COVID-19 dilaporkan di seluruh negara dengan Sarawak merekodkan kes harian tertinggi untuk hari kedua berturut-turut dengan 3,200 kes semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata dengan pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kes kini mencecah 1,880,734 kes.

Selangor pula negeri kedua kes harian tertinggi iaitu 2,407 kes diikuti Johor (2,174); Sabah (2,107); Pulau Pinang (1,776); Kedah (1,487); Kelantan (1,458); dan 1,197 kes di Perak.

Sementara itu, negeri yang merekodkan kes bawah 1,000 adalah Pahang (742); Terengganu (645); Kuala Lumpur (631); Melaka (448); Negeri Sembilan (229); Perlis (20); Putrajaya (22); dan empat kes di Labuan.

Mengenai kapasiti dan penggunaan katil hospital COVID-19, Dr Noor Hisham menerusi perkongsian infografik dalam hantaran berbeza memaklumkan penggunaan katil bukan unit rawatan rapi (ICU) adalah 72 peratus daripada 17,885 katil, manakala penggunaan katil ICU adalah 68 peratus daripada 1,581 katil, setakat 5 petang kelmarin.

Tiga negeri mencatatkan penggunaan katil bukan ICU melebihi 100 peratus iaitu Johor (111 peratus); Pulau Pinang (102 peratus); dan Perlis (100 peratus).

Bagi penggunaan katil ICU, dua negeri merekodkan penggunaan melebihi 100 peratus iaitu Perak dengan 111 peratus dan Kedah 102 peratus manakala Labuan, sifar penggunaan katil ICU.

Sementara itu, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) berkata, sebanyak 68.8 peratus atau 16,107,712 individu daripada populasi dewasa di negara ini melengkapkan suntikan vaksin COVID-19 setakat kelmarin.

JKJAV menerusi perkongsian infografik di laman Twitter memaklumkan sebanyak 313,751 dos vaksin COVID-19 membabitkan 132,640 dos pertama dan 181,111 dos lengkap diberikan semalam, menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

"Sebanyak 20,677,827 individu atau 88.3 peratus populasi dewasa Malaysia sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19 setakat Isnin," demikian menurut JKJAV.

Bekalan perubatan tambahan tiba di Sabah

Kuala Lumpur: Bekalan perubatan dan peralatan tambahan tiba di Kota Kinabalu, Sabah untuk menampung kelangsungan rawatan COVID-19 di negeri terbabit.

Keperluan dibawa menggunakan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu merangkumi 480 silinder oksigen dan regulator, selain 48 unit pemekat oksigen serta puluhan kotak berisi ubat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata penghantaran bekalan untuk menguruskan pesakit COVID-19 di negeri itu seperti dijanjikan kepada kerajaan Sabah sebelum ini.

"Terima kasih TUDM kerana menyediakan pengangkutan bagi menghantar bekalan perubatan dan peralatan untuk kegunaan kerajaan Sabah serta rakyatnya," katanya menerusi kenya-

taan di Twitter, semalam.

Sementara itu, Khairy yang dalam rangka lawatan rasmi ke Sabah berkunjung ke Pulau Larak, iaitu antara 49 pulau yang terletak di Semporna bagi tujuan libat urus Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Jelasnya, pendekatan pemberian suntikan vaksin CanSino, iaitu jenis satu dos sepanjang libat urus luar itu dibuat tanpa menirai latar belakang penerima.

"Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Sekolah Kebangsaan Pulau Larak. Sebanyak 1,000 dos CanSino dibawa untuk libat urus luar PICK hari ini (semalam).

"Ramai tiada dokumen pengenalan rasmi, tetapi DG (Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah) terus cucuk.

"Tiada yang selamat sehingga semuanya selamat," katanya.



Antara peralatan dan perubatan tambahan dihantar dengan pesawat TUDM tiba di Kota Kinabalu, semalam. (Foto ihsan Twitter Khairy Jamaluddin)

Terkini COVID-19 18,902 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam **18,547** Kes baharu disahkan, semalam **18,802** Jumlah kematian dicatat **1,880,734** Jumlah kes disahkan positif **252,002** kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Syor kaji peraturan, akta tangani individu tolak dos

Kuala Lumpur: Kerajaan disyor mengkaji peraturan atau akta sedia ada, termasuk Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) bagi mengenal pasti punca kuasa berkaitan pemvaksinan.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Management and Science University (MSU), Prof Datuk Dr Rohaizat Yon, berkata ia bagi meneliti aspek mewajibkan inokulasi COVID-19 atau keperluan membuat ujian saringan berkala bagi penjawat awam yang enggan divaksin tanpa alasan kesihatan.

"Kerajaan juga mungkin boleh menyemak kaedah atau modus operandi digunakan dalam situasi tertentu terhadap anggota kesihatan atau pelajar kesihatan yang diwajibkan mengambil vaksin Hepatitis B.

"Adakah konsep hampir sama boleh digunakan kerajaan untuk diaplikasi terhadap semua penjawat awam, termasuk yang menolak vaksinasi?" katanya kepada BH.

Beliau mengulas cadangan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, yang mungkin mewajibkan saringan berkala ke atas penjawat awam enggan divaksin tanpa alasan kesihatan.

Khairul Adib dilaporkan berkata, perkara itu perlu diteliti secara lanjut dan arahan akan diberikan secara pentadbiran tanpa melanggar peruntukan undang-undang dengan perbincangan mengenainya dijangka diadakan minggu ini.

Ditanya kekerapan sesuai bagi saringan itu, Dr Rohaizat, yang juga bekas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan berkata, selang masa selama dua minggu mungkin boleh dijadikan penanda aras, rentetan anggaran tempoh inkubasi jangkitan COVID-19.

"Aspek kos, ketepatan dan tempoh keputusan diperoleh perlu diambil kira jika kerajaan mahu mewajibkan penjawat awam yang menolak vaksin untuk membuat ujian saringan berkala COVID-19.

"Ujian sedia ada seperti *Antigen Saliva Rapid test Kit*, *Kit Ujian Rapid Antigen (RTK-Ag)* atau *Ujian Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)* bukan sahaja mempunyai ketepatan berbeza, tetapi juga kos dan tempoh masa keputusan diperoleh.

"Aspek pembiayaan kos sama ada oleh pekerja atau kerajaan serta pematuhan, pemantauan dan pemalsuan juga perlu dititikberatkan jika cadangan ini mahu dilaksanakan," katanya.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Vaksin kepada pelajar sekolah dimuktamad esok

Hasil keputusan dibawa kepada MKN untuk tindakan lanjut

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Semporna: Keputusan mengenai pemberian suntikan vaksin COVID-19 kepada pelajar sekolah akan dimuktamadkan pada satu mesyuarat penyaluran memabatkan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Pendidikan (KPM), esok.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata sebaik keputusan mengenai perkara berkenaan dibuat pada mesyuarat itu, ia akan dibawa kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk tindakan seterusnya.

Katanya, selain suntikan vaksin kepada pelajar sekolah, mesyuarat itu juga akan membincangkan cadangan lain berkenaan pendidikan dan kesihatan ketika menghadapi cabaran COVID-19.

Beliau memberitahu demikian selepas meninjau program *outreach* suntikan vaksin COVID-19 kepada penduduk di Pulau Lারণ, dekat sini, semalam.

Mengenai situasi Sarawak yang mencatat kes baharu COVID-19 tertinggi, kelmarin iaitu 3,714 kes dengan kadar vakinasin di negeri itu mencapai 80 peratus, Khairy berkata, 99 peratus kes memabatkan pesakit kate-

gori satu dan dua.

"Hanya empat pesakit berada di kategori tiga, empat dan lima. Ini menunjukkan kita dalam fasa melaksanakan peralihan kepada endemik. Kita hidup dengan virus ini, masih lagi ada jangkitan tetapi kesannya tidak teruk sangat dengan batuk dan demam ringan sahaja," katanya.

Selain itu, beliau berkata, tahap kesedaran mengenai kepentingan vaksinasi COVID-19 dalam kalangan penduduk di kawasan pulau dan pedalaman di Sabah juga tinggi berdasarkan sambutan terhadap program *outreach* suntikan vaksin COVID-19.

Semalam, 1,000 dos vaksin jenis dos tunggal CanSino disediakan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sementara di dewan terbuka Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Lারণ, di sini.

Katanya, Semporna menerima 26,000 dos vaksin CanSino dan setakat ini 3,000 sudah digunakan.

Sementara itu di **Putrajaya**, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Idris Ahmad, berkata peperiksaan subjek bertulis bagi Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) 2021 yang dijadualkan berlangsung dari 4 hingga 7 Oktober ini memabatkan calon 2020 dan 2021, ditangguhkan ke 15 hingga 18 November depan.

Langkah itu diambil bagi memastikan keselamatan dan kesihatan murid terjamin serta melengkapkan persediaan pusat peperiksaan.

Beliau berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira situasi semasa dan ulasan KKM,



Khairy melihat Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah (kanan) menyuntik vaksin CanSino kepada penduduk di PPV sementara di SK Pulau Lারণ, Semporna, semalam. (Foto BERNAMA)

KPM serta keputusan kebenaran Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 6 September 2021.

"Kerajaan memberi perhatian serius terhadap situasi semasa pandemik COVID-19, terutama dari aspek keselamatan murid dan semua petugas peperiksaan.

"Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama semua agensi menyediakan

pelan tindakan demi memastikan UPKK dapat dilaksanakan dan berjalan lancar," katanya.

Pada 15 Ogos lalu, Menteri Kanan Pendidikan membuat satu keputusan berkaitan pembukaan sesi persekolahan yang akan bermula 3 Oktober depan secara berperingkat, bermula dengan kelas peperiksaan mengikut perincian Pelan Pemulihan Negara (PPN).

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL



Semua pelajar Tingkatan Empat dan Lima di Sarawak akan menerima suntikan vaksin Pfizer-BioNTech. (Foto hiasan)

Pelajar Tingkatan 4, 5 di Sarawak mula divaksin hari ini

Kuching: Proses vaksinasi remaja berusia 12 hingga 18 tahun di Sarawak akan bermula dengan pelajar Tingkatan Empat dan Lima, hari ini.

Pengarah Kesihatan Sarawak, Datuk Dr Mohamed Sopian Mohamed, berkata ia membabitkan seramai 96,400 orang pelajar berusia 16 hingga 17 tahun.

"Semua mereka akan menerima suntikan vaksin Pfizer-BioNTech," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau berkata, pemberian imunisasi COVID-19 itu akan dilakukan di sekolah dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) awam yang ditetapkan.

Bagaimanapun, beliau tidak mengulas lanjut mengenai sekolah dan PPV awam terbabit.

Sementara itu, Pengarah Pendidikan Sarawak, Dr Norisah Suhaili, memberitahu *BH* bahawa pihaknya sudah menyerahkan senarai nama pelajar yang layak menerima suntikan vaksin, kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN).

Namun, beliau enggan memberi maklumat terperinci mengenai perkara itu, termasuk

sekolah yang terbabit untuk pemberian suntikan vaksin kepada pelajar.

Pejabat Kesihatan Bahagian Mukah dalam satu kenyataan pula memaklumkan, vaksinasi di Mukah hanya akan membabitkan pelajar berusia 16 dan 17 tahun terlebih dahulu, bermula Khamis ini.

Katanya, proses vaksinasi akan dilakukan di Dewan Suarah Mesra membabitkan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mukah, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Mukah, SMK Three Rivers dan SMK St Patrick.

"Senarai penerima vaksin adalah berdasarkan nama yang telah mendaftar melalui sekolah masing-masing," menurut kenyataan itu.

Proses vaksinasi remaja berusia 12 hingga 18 tahun, yang merangkumi 10 peratus daripada jumlah penduduk Sarawak, dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Ia sekali gus menjadikan Sarawak negeri pertama memberi suntikan vaksin COVID-19 kepada remaja.

Pemberian imunisasi COVID-19 itu akan dilakukan di sekolah dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) awam yang ditetapkan

Dr Mohamed Sopian Mohamed,
Pengarah Kesihatan Sarawak



AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 18
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Lelaki meninggal belum dapat imuniti penuh

Kota Kinabalu: Seorang lelaki dari Pulau Mantanani, Kota Belud yang dilaporkan meninggal dunia akibat jangkitan COVID-19 Ahad lalu, dipercayai belum mendapat imuniti penuh walaupun sudah menerima vaksin.

Lelaki berumur 56 tahun itu antara 650 penduduk Pulau Mantanani yang tersenarai sebagai penerima awal vaksin dos tunggal CanSino di Sabah ketika program jangkauan luar vaksinasi di pulau itu pada 27 Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Sabah (JKNS), Dr Rose Nani Muddin, berkata individu yang baru menerima vaksin memerlukan sekurang-kurangnya 14 hari sehingga tubuhnya membentuk imuniti bagi melawan jangkitan COVID-19.

Beliau berkata, tubuh pesakit terbabit mungkin belum membentuk imuniti penuh untuk me-

lawan jangkitan COVID-19 memandang baru kira-kira seminggu menerima vaksin dos tunggal CanSino.

Katanya, pesakit yang mempunyai sejarah penyakit hipertensi dan hyperlipidaemia itu dipercayai mendapat jangkitan COVID-19 seminggu selepas divaksinasi.

"Bagi individu membentuk paras antibodi yang boleh mencegah jangkitan COVID-19, ia perlu mengambil masa sekurang-kurangnya 14 hari.

"JKNS menasihatkan orang ramai yang sudah menerima vaksin COVID-19 supaya terus kekal memakai pelitup muka, mengamalkan penjarakan sosial, sentiasa membasuh tangan, elakkan kawasan tertutup dan sesak dengan orang ramai bagi melindungi diri daripada jangkitan COVID-19," katanya dalam kenyataan semalam.



Ain Arjuna ketika meninjau harga Kit Ujian Pantas Antigen Covid-19 pada Operasi Pemantauan Harga dan Bekalan Kit Ujian Pantas Antigen Covid-19 di farmasi sekitar Seremban 2.

(Foto Azrul Edham Mohd Aminuddin/BH)

Waspada kit ujian sendiri tiruan

Seremban: Pengguna dinasihatkan supaya tidak terlalu ghairah mendapatkan kit ujian sendiri COVID-19 melalui platform dalam talian dengan harga lebih murah kerana dikhuatiri tidak mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia (MDA) atau menggunakan jenama tiruan.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman, berkata pengguna diminta peka dengan caj penghantaran dikenakan peniaga dalam talian.

"Setakat ini, 16 jenama diberi kelulusan MDA dan mungkin jenama lain akan bertambah dari semasa ke semasa. Orang ramai

boleh membuat semakan di laman web KPDNHEP.

"Jangan tengok harga murah, tetapi tidak mendapat kelulusan daripada MDA kerana mungkin ujiannya tidak berkualiti atau produk tiruan," katanya selepas melakukan pemeriksaan di sebuah farmasi di Seremban 2, di sini, semalam.

Beliau berkata, peniaga dalam talian dinasihatkan menyatakan harga dengan jelas iaitu tidak lebih daripada harga maksimum RM19.90.

Katanya, harga maksimum kit RM19.90 dan tidak termasuk caj penghantaran, jadi peniaga mesti menyatakannya dengan jelas dan sekiranya caj penghantaran terlalu mahal, pengguna boleh mencari alternatif lain.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

18,547 kes baharu dengan 311 kematian

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 di negara ini meningkat kepada 18,547 kes berbanding 17,352 kes yang dicatatkan kelmarin.

Sarawak kekal menjadi negeri mencatat kes harian paling tinggi iaitu 3,200 kes berbanding Selangor iaitu 2,407 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes itu menjadikan

jumlah kumulatif kes Covid-19 negara setakat ini adalah 1,880,734 kes.

"Johor menjadi negeri ketiga tertinggi iaitu 2,174 kes diikuti Sabah (2,107); Pulau Pinang (1,776) dan Kedah (1,487).

"Selain itu, Kelantan juga mencatatkan kes baharu empat angka iaitu 1,458 kes diikuti Perak (1,197); Pahang (742); Terengganu (645); Kuala Lumpur (631); Melaka

(448) dan Negeri Sembilan 229 kes," katanya semalam.


Menurutnya, Perlis dan Putrajaya mencatatkan kes dua angka iaitu masing-masing 20 dan 22 kes manakala Labuan merekodkan empat kes.

Sementara itu, sebanyak 311 kes kematian direkodkan semalam membabitkan 41 bukan warga negara, 270 warganegara dan 93 kematian di luar hospital, sekali

gus menjadikan jumlah keseluruhan kematian seramai 18,802 kes.

Selain itu, sebanyak 1,318 kes dirawat di unit rawatan rapi (ICU) apabila 977 adalah kes Covid-19 manakala 341 kes disyaki dan kes dalam siasatan.

Dr Noor Hisham berkata, 735 kes memerlukan bantuan pernafasan manakala 18,902 kes sembuh sepenuhnya.



OPERASI Hospital Medan Hospital Sultanah Aminah, Johor kini memasuki hari ke-79 dengan kapasiti 80 katil biasa dan empat katil ICU.

10 PPV sedia suntikan vaksin secara walk in

Georgetown: Penduduk Pulau Pinang berusia 18 tahun dan ke atas yang belum menerima janji temu vaksin boleh hadir ke 10 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di negeri ini mulai hari ini.

PPV berkenaan adalah PPV SPICE CC, PPV Tapak Pesta Sungai Nibong, PPV Kompleks Sukan 'Balik Pulau, PPV Pusat Konvensyen Perda, PPV Dewan Millennium, PPV SP Arena, PPV Tapak Ekspo Seberang Jaya, PPV Vangohh Eminent, PPV Dewan Sungai Bakap dan PPV Dewan Serbaguna Jawi.

Bagaimanapun, pemberian vaksin itu hanya khusus bagi warganegara Malaysia sahaja.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, waktu pengoperasian 10 PPV itu bermula jam 10 pagi.

"Tempoh masa pengoperasian ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan dan kesesakan berasaskan prosedur operasi standard (SOP) di PPV yang tersenarai.

"Mereka yang ingin mendapatkan suntikan vaksin secara walk in perlu mematuhi beberapa kriteria iaitu

mesti berusia 18 tahun dan ke atas; membawa

MyKad bagi tujuan pengesahan warganegara; belum berdaftar atau belum terima janji temu MySejahtera.

"Vaksin ini juga diberikan secara siapa datang dulu dia dapat," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Jelasnya, penduduk juga diminta mengemaskini aplikasi MySejahtera sebelum ke PPV dan memastikan tidak bergejala, bukan kontak rapat serta bukan dalam tempoh kuarantin.

Berdasarkan rekod Jawatankuasa Jaminan Khas Bekalan Vaksin Covid-19 (JK-JAV) hingga kelmarin menunjukkan hampir 1.2 juta penduduk negeri ini menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Daripada jumlah itu, seramai 860,703 penduduk lengkap menerima dua suntikan imunisasi berkenaan.

Sementara itu, Kon Yeow berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JK-NPP) memberi komitmen menambah baik pengurusan masa tindak balas atau response time dari pusat panggilan bagi memantau pesakit Covid-19 atau

kontak rapat kepada seseorang disahkan positif yang menjalankan kuarantin sendiri di rumah.

Pemberian vaksin hanya khusus bagi warganegara Malaysia sahaja

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

Kes kritikal menurun

Oleh Mahani Ishak
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Fasa endemik Malaysia yang dijangka bermula hujung bulan depan bakal menyaksikan bilangan kes kategori tiga hingga kategori lima jangkitan Covid-19 hanya membabitkan beberapa kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mengambil contoh 3,714 kes Covid-19 di Sarawak ketika ini, namun perincian klinikal bagi kategori tiga hingga lima adalah empat kes atau mewakili 0.11 peratus.

"Perincian kes bagi negeri Sarawak berdasarkan kategori klinikal, iaitu 3,710 kes atau 99.98 peratus adalah kategori satu dan dua.

Pesakit kategori 3 hingga 5 dijangka kurang pada fasa endemik hujung bulan depan

"Ini sekali gus menunjukkan bagaimana kita hidup dalam endemik walaupun keseluruhan kes mencatatkan bilangan tinggi, tetapi hanya empat kes dalam kategori tiga hingga lima," katanya menerusi hantaran di Facebook dan Twitternya, semalam.

Dalam pada itu, beliau turut berkongsi pecahan kes Covid-19 di Sarawak yang memperincikan semua kategori.

Katanya, bilangan kes bagi kategori satu tanpa gejala merekodkan 3,251 kes atau 87.53 peratus, diikuti kategori dua 459 kes atau 12.36 peratus iaitu tahap jangkitan yang hanya bergejala ringan.

"Seterusnya kategori tiga yang mempunyai jangkitan paru-paru. Kes di Sarawak hari ini (kelmarin) merekodkan 2 kes (kategori 3) atau 0.05 peratus, diikuti tahap empat dengan pesakit mengalami jangkitan paru-paru serta bantuan oksigen.

Bagi kategori lima, pesakit Covid-19 mengalami jangkitan paru-paru dan memerlukan ventilator membabitkan sejumlah dua kes atau 0.05 peratus.

Menurutnya, walaupun Sarawak merekodkan jangkitan baharu tertinggi iaitu 3,714 kes, tetapi majoriti bilangan kes membabitkan kategori satu dan dua iaitu 99.98 peratus iaitu 3,710

kes. Daripada data itu, jumlah kes baharu Covid-19 semalam mencatat penurunan apabila merekodkan 17,352 kes berbanding 20,396 kes Ahad lalu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin sebelum ini dilaporkan berkata, fasa endemik di Malaysia dijangka bermula pada akhir Oktober ini, dengan kadar imuniti kelompok di harap mencapai 80 peratus.

Beliau berkata, ketika ini Labuan dan Sarawak mencapai fasa endemik, selain negeri lain yang kebanyakannya beralih ke fasa itu dan penganalan norma baharu untuk hidup dengan lebih sihat serta selamat.

Pantau harga RTK Antigen Covid-19



PENGARAH Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Kelantan,

Adnan Abd Rahman menunjukkan set Kit Ujian Pantas (RTK) Antigen Covid-19 ketika membuat pemantauan harga jualan di sebuah farmasi, semalam.

Kerajaan sebelum ini menetapkan harga runcit maksimum bagi setiap set kit ujian sendiri Covid-19 pada RM19.90 manakala harga borong RM16 berkuat kuasa 5 September dan tindakan tegas diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. -Bernama

18 kes kematian babit ibu hamil dilaporkan

Iskandar Puteri: Sebanyak 18 kes kematian akibat Covid-19 membabitkan ibu hamil dilaporkan di negeri ini sehingga kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyantanthan berkata, kerajaan negeri memandang serius situasi itu sekali gus meningkatkan pemantauan terhadap ibu hamil termasuk menggalakkan mereka mendapatkan vaksinasi.

"Berdasarkan data Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNI), jumlah ibu hamil di Johor yang menerima satu dos suntikan vaksin adalah 30,000 orang, manakala 9,177 lagi lengkap dua dos," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mem-

buat penggulungan menjunjung kasih titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar pada Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor yang ke-14, semalam.

Sementara itu, Vidyantanthan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kahang berkata, kehadiran *Variant of Concern* (VOC) di Johor turut menyumbang kepada bilangan peningkatan kes dan sehingga Ahad lalu 19 kes varian Delta dilaporkan di negeri ini.

"Memang agak membimbangkan melihat kepada kadar kematian akibat Covid-19 yang tinggi iaitu 10.9 peratus di Johor daripada

jumlah kematian seluruh Malaysia," katanya.

Seramai 9.177 ibu hamil sudah lengkap dua dos vaksinasi

MAUT SELEPAS SEMINGGU DIVAKSIN

Mangsa belum dapat imuniti penuh

Kota Kinabalu: Lelaki dari Pulau Mantanani, Kota Belud yang meninggal dunia akibat Covid-19, Ahad lalu dipercayai belum memperoleh imuniti penuh daripada vaksin CanSino yang diterima pada 27 Ogos lalu.

Lelaki itu yang berumur 56 tahun antara 650 penduduk pulau berkenaan yang menjadi penerima awal vaksin dos tunggal di Sabah.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Dr Rose Nani Mudin berkata, penerima vaksin jenis itu sama seperti vaksin dua dos yang memerlukan sekurang-kurangnya 14 hari un-

tuk tubuh membentuk imuniti bagi melawan Covid 19.

Katanya, dalam kes le.aki itu, tubuh pesakit mungkin belum membentuk imuniti penuh bagi melawan Covid-19, memandangkan baru seminggu menerima vaksin.

"Bagi individu membentuk paras antibodi yang boleh mencegah jangkitan Covid-19, ia perlu ambil masa sekurang-kurangnya 14 hari.

"JKNS menasihati orang ramai yang menerima vaksin terus kekal memakai pelitup muka, mengamalkan penjarakan sosial, sentiasa membasuh tangan, elakkan kawasan tertutup dan sesak

dengan orang ramai bagi melindungi diri daripada jangkitan Covid-19," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Rose Nani berkata, pesakit berkenaan mempunyai sejarah penyakit darah tinggi dan *hyperlipidaemia* berkemungkinan dijangkiti Covid-19 selepas seminggu divaksinasi.

Menurutnya, ahli keluarga pesakit membawanya ke Hospital Kota Belud pada 5 September lalu selepas mengadu sesak nafas sehari sebelum itu.

"Pesakit pada ketika itu hampir tidak sedarkan diri dan menunjukkan kadar

pernafasan laju. Menurut ahli keluarga, pesakit mengadu sesak nafas sehari sebelum datang ke hospital dan mengalami batuk berterusan.

"Dia juga tiada sejarah bertemu pesakit positif Covid-19, namun keputusan ujian Rapid Test Kit (RTK) Antigen menunjukkan dia positif wabak.

"Keadaan pesakit semakin teruk sehingga perlu diberi bantuan pernafasan. Walaupun diberi rawatan kecemasan, kes tidak menunjukkan tanda pulih dan dia disahkan meninggal dunia akibat kegagalan pelbagai organ," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19



KHAIRY (tengah) melihat proses pendaftaran penerimaan vaksin penduduk yang tidak mempunyai dokumen sewaktu melawat aktiviti outreach pemberian vaksin kepada penduduk di Pulau Larapan, semalam.

SUNTIKAN VAKSIN KEPADA PELAJAR SEKOLAH

KKM, KPM bincang

Keputusan dalam mesyuarat esok dibawa kepada MKN

Semporna

Keputusan mengenai pemberian suntikan vaksin Covid-19 kepada pelajar sekolah akan dimuktamadkan pada satu mesyuarat penyelarasan membabitkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Khamis ini.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata,

sebaik keputusan mengenai perkara itu dibuat pada mesyuarat itu, ia akan dibawa kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk tindakan seterusnya.

"Saya ada mesyuarat dengan pengurusan tertinggi KKM serta Menteri Kanan Pendidikan

(Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin) bersama peng-

urusan tertinggi Kementerian Pendidikan.

"Apa pun kita akan buat keputusan muktamad selepas mesyuarat," katanya kepada pemberita selepas meninjau program outreach suntikan vaksin Co-

vid-19 kepada penduduk di Pulau Larapan, di sini, semalam.

Beliau berkata, selain suntikan vaksin kepada pelajar sekolah, terdapat cadangan lain berkenaan pendidikan dan kesihatan ketika menghadapi cabaran Covid-19 yang akan dibincangkan pada mesyuarat itu. Bagaimanapun beliau tidak mengulas lanjut mengenai cadangan tersebut. - Bernama

“
Kita akan buat keputusan muktamad selepas mesyuarat
Khairy

Semporna: Sebanyak 99 peratus kes Covid-19 di Sarawak merupakan pesakit yang berada dalam kategori satu dan dua, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Beliau mengulas mengenai situasi Sarawak yang kelmarin mencatat kes baru Covid-19 tertinggi dengan 3,714 kes, manakala kadar vaksinasi di negeri itu sudah mencapai 80 peratus.

"Hanya empat pesakit berada di kategori tiga, empat dan lima, (kes di Sarawak) ini menunjukkan kita dalam fasa melaksanakan peralihan kepada endemik.

"Seolah kita hidup dengan virus ini, masih lagi ada jangkitan, tetapi kesannya tidak teruk sangat dengan

99 peratus kes di Sarawak hanya kategori satu, dua

batuk dan demam ringan sahaja," katanya kepada pemberita selepas meninjau program outreach suntikan vaksin Covid-19 kepada penduduk di Pulau Larapan, dekat sini, semalam.

Dalam pada itu, Khairy memuji kesedaran kepentingan vaksinasi Covid-19 dalam kalangan penduduk di kawasan pulau dan pedalaman di Sabah

yang menurutnya berada pada tahap tinggi pada masa ini.

Beliau berkata, ini dapat dilihat dengan sambutan amat menggalakkan terhadap program outreach suntikan vaksin Covid-19 di pusat pemberian vaksin (PPV) sementara di dewan terbuka Sekolah Kebangsaan

Pulau Larapan di sini, semalam yang menyediakan

1,000 dos vaksin jenis dos tunggal CanSino.

"Bukan sahaja penduduk pulau ini datang mendapatkan suntikan vaksin, tetapi penduduk dari pulau berdekatan juga datang. Komunikasi untuk tingkat kesedaran semakin baik dan penduduk tahu mengenai vaksinasi ini melalui ketua kampung dan penduduk ini sedar vaksinasi itu untuk kesihatan.

"Semporna menerima 26,000 dos vaksin CanSino dan setakat ini 3,000 sudah digunakan," katanya sambil memberitahu Sabah akan terus diberi keutamaan untuk tambahan bekalan vaksin CanSino yang mudah digunakan di lapangan kerana ia hanya memerlukan satu dos. - Bernama

Kadar vaksinasi di Sarawak sudah capai 80 peratus

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Suntikan Covid-19 untuk golongan bawah 18 tahun akan diperluas ke Lembah Klang

Vaksinasi remaja di Sarawak hari ini

TAWAU - Program vaksinasi Covid-19 untuk golongan remaja bawah 18 tahun di Sarawak bermula hari ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pemberian imunisasi itu dijangka akan memberi faedah kepada 76,400 remaja berusia 16 dan 17 tahun di Sarawak.

Menurutnya, remaja berumur 12 hingga 15 tahun yang berisiko tinggi dan mempunyai penyakit komorbid akan diutamakan sebagai penerima awal.

"Selepas selesai vaksin untuk mereka yang berumur 16 hingga 17 tahun, kita akan turun ke usia 12 ke 15 tahun tetapi kita akan buat secara berperingkat untuk memastikan tidak ada masalah dalam program imunisasi ini," katanya.

Beliau ketika ditemui selepas lawatan tapak cadangan hospital medan di lapangan terbang lama di Jalan Utara di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah.

Tambahnya, program vaksinasi remaja akan diperluaskan ke Wilayah Persekutuan Labuan, Kuala Lumpur dan Selangor dan negeri-negeri yang telah capai 80



KHAIRY (lima dari kiri) melihat Dr. Noor Hisham (kanan) melakukan suntikan vaksinasi kepada salah seorang penerima di Pulau Larapan, Semporna semalam.

peratus vaksinasi.

Dalam pada itu, semasa lawatan di Semporna, Khairy berkata, program vaksinasi yang dijalankan adalah tertakluk kepada semua penduduk di negara ini dan kerajaan tidak menolak sama ada individu tersebut

mempunyai dokumen atau tidak.

Beliau memberitahu, aktiviti vaksinasi jangkau luar yang dijalankan di Pulau Larapan, Semporna dan lokasi lain mendapati ada dalam kalangan individu yang hadir tidak mempunyai

pengenal diri yang sah.

"Ada yang bawa surat dari kerajaan negeri atau pun ketua kampung yang mengesahkan identiti mereka. Kita terima.

"Saya telah bincangkan perkara ini di peringkat Kementerian Kesihatan (KKM) dan juga ber-

sama Jemaah Menteri bahawa apa yang lebih utama adalah soal kesihatan awam," ujarnya.

Khairy menambah, beliau juga berharap penduduk di Malaysia akan hadir di mana-mana pusat pemberian vaksin (PPV) atau program jangkau luar untuk mendapat vaksin Covid-19.

"Saya ingin tegaskan juga bahawa tidak ada yang selamat sehingga semuanya selamat," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Khairy memberitahu, keputusan terperinci mengenai pemberian suntikan vaksin Covid-19 kepada pelajar sekolah akan dimuktamadkan pada satu mesyuarat penyelarasan melibatkan Kementerian Pendidikan esok.

Jelasnya, ia kemudian akan dibawa kepada Majlis Keselamatan Negara untuk tindakan seterusnya.

"Saya ada mesyuarat dengan pengurusan tertinggi Kementerian Kesihatan serta Menteri Kanan Pendidikan (Datuk Dr. Mohd. Radzi Md Jidin) bersama pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan.

"Apa pun kita akan buat keputusan muktamad selepas mesyuarat," jelasnya.

Jumlah kematian hampiri 20,000

PUTRAJAYA - Sebanyak 311 kes kematian Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes kematian akibat wabak berkenaan sebanyak 18,802 kes.

Berdasarkan data tersebut, kes kematian di negara ini akan mencecah angka 20,000.

Untuk rekod, pada 4 September lalu, sebanyak 330 kes kematian dicatatkan, manakala pada 8 Ogos lalu (360 kematian) sementara pada 26 Ogos (393 kematian).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes aktif pula merekodkan sebanyak 252,002 kes termasuk 977 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi dan 447 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Kes harian merekodkan sebanyak 18,547 kes termasuk 18 kes import dengan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,880,734 kes.

"Sebanyak 18,902 kes sembuh dan jumlah kes sembuh daripada Covid-19 sebanyak 1,609,930

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes Baharu	18,547
Import:	18
Tempatan:	18,529
Pulih	18,902
• Kematian	311
• Masih dirawat	252,002
• Jumlah kes sembuh	1,609,930
• Jumlah Kematian	18,802
Jumlah kes keseluruhan	1,880,734

kes," jelasnya.

Selain itu, negeri yang mencatatkan kes melebihi 2,000 adalah Sarawak sebanyak 3,200 kes, diikuti Selangor sebanyak 2,407, Johor sebanyak 2,174 kes dan Sabah sebanyak 2,107 kes.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

18 ibu hamil maut akibat Covid-19

ISKANDAR PUTERI - Johor merekodkan sebanyak 18 kematian ibu mengandung akibat Covid-19 setakat kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R. Vidyananthan berkata, pihaknya memandang serius isu berkenaan dan pemantauan dilakukan termasuk menggalakkan mereka mendapatkan vaksinasi.

"Berdasarkan data Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ), jumlah ibu hamil di Johor yang menerima satu dos suntikan vaksin adalah seramai 30,000 orang.

"Manakala seramai 9,177 lagi sudah lengkap dua dos," katanya pada Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor yang ke-14, di sini semalam.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penggaram, Gan Peck Cheng menggesa kerajaan memudahkan proses pemberian imunisasi kepada ibu mengandung dan menyusu di Klinik Kesihatan.

"Langkah itu juga akan dapat melancarkan proses pemberian vaksin kepada golongan berkenaan selain mereka juga akan berasa lebih yakin dengan proses berkenaan," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Vaksin pelajar sekolah diputus Khamis ini

Dimuktamad dalam mesyuarat Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan

SEMPORNA

Keputusan mengenai pemberian suntikan vaksin Covid-19 kepada pelajar sekolah akan dimuktamadkan pada satu mesyuarat penyesuaian melibatkan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan pada Khamis ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sebaik keputusan mengenai perkara itu dibuat pada mesyuarat tersebut, ia akan dibawa kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk tindakan seterusnya.

"Saya ada mesyuarat dengan pengurusan tertinggi Kementerian Kesihatan serta Menteri Kanan Pendidikan (Senator Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin) bersama pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan.

"Apa pun kita akan buat keputusan muktamad selepas mesyuarat," katanya kepada pemberita selepas meninjau program outreach suntikan vaksin Covid-19 kepada penduduk di Pulau Laran dekat sini pada Selasa.



FOTO: BERNAMA

Khairy menunjukkan bebuli berisi vaksin CanSino sewaktu melawat aktiviti outreach pemberian vaksin kepada penduduk di Pulau Laran, Semporna pada Selasa.

Beliau berkata, selain suntikan vaksin kepada pelajar sekolah, terdapat cadangan lain berkenaan pendidikan dan kesihatan ketika menghadapi cabaran Covid-19 yang akan dibincangkan pada mesyuarat itu, bagaimanapun beliau tidak mengulas lanjut mengenai cadangan tersebut.

Mengenai situasi Sarawak pada Isnin mencatat kes baharu Covid-19 tertinggi iaitu 3,714 kes dengan kadar vaksinasi di

negeri itu mencapai 80 peratus, Khairy berkata, 99 peratus kes merupakan pesakit kategori satu dan dua.

"Hanya empat pesakit berada di kategori tiga, empat dan lima, (kes di Sarawak) ini menunjukkan kita dalam fasa melaksanakan peralihan kepada endemik, seolah-olah kita hidup dengan virus ini. Masih lagi ada jangkitan tetapi kesannya tidak teruk sangat dengan batuk dan demam ringan sahaja," katanya.

Dalam pada itu, Khairy memuji kesedaran kepentingan vaksinasi Covid-19 dalam kalangan penduduk di kawasan pulau dan pedalaman di Sabah yang menurutnya berada pada tahap yang tinggi pada masa ini.

Beliau berkata, ini dapat dilihat dengan sambutan amat menggalakkan terhadap program outreach suntikan vaksin di pusat pemberian vaksin (PPV) sementara di dewan terbuka Sekolah Kebangsaan Pulau Laran di sini pada Selasa yang menyediakan 1,000 dos vaksin jenis dos tunggal CanSino.

"Bukan sahaja penduduk pulau ini datang mendapatkan suntikan vaksin tetapi penduduk dari pulau berdekatan.

Komunikasi untuk tingkat kesedaran semakin baik dan penduduk tahu mengenai vaksinasi ini melalui ketua kampung, dan penduduk ini sedar vaksinasi itu untuk kesihatan. - Bernama

**MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

18,547 kes baharu, Sarawak kekal negeri tertinggi

PUTRAJAYA - Kes baharu positif Covid-19 kembali meningkat kepada 18,547 dengan Sarawak kekal negeri tertinggi melaporkan kes harian iaitu 3,200 kes.

Tujuh lagi negeri merekodkan bilangan kes empat angka adalah Selangor (2,407), Johor (2,174), Sabah (2,107), Pulau Pinang (1,776), Kedah (1,487), Kelantan (1,458) dan Perak (1,197).

Pahang melaporkan sedikit peningkatan berbanding Isnin iaitu 742 kes dan Terengganu pula merekodkan 645 kes.

Kes positif Covid-19 di Melaka adalah 448, Negeri Sembilan (229), Putrajaya (22), Perlis (20) dan Labuan (empat).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di negara ini adalah 1,880,734 kes.

“Secara keseluruhan sehingga 7 September 2021, daripada 1,880,734 kes positif Covid-19, sebanyak 1,721,274 kes iaitu 91.5 peratus adalah terdiri daripada mereka yang tiada sejarah vaksinasi atau tidak lengkap divaksin,” katanya.

Menurutnya, hanya 159,460 kes iaitu 8.5 peratus membabitkan pesakit mempunyai sejarah

vaksinasi lengkap. “Terdapat 252,002 kes aktif di seluruh negara,” katanya.

Beliau berkata, seramai 1,318 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) membabitkan 341 kes disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan.

“Sebanyak 735 kes termasuk 477 disyaki, kemungkinan dan dalam siasatan yang memerlukan bantuan pernafasan,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 311 kes kematian direkodkan termasuk 93 daripadanya adalah kes BID (meninggal di luar fasiliti kesihatan).

“Kes kematian membabitkan 270 rakyat tempatan dan 41 warga asing dengan jumlah keseluruhannya, 18,802 kes,” katanya.

Sementara itu, sebanyak 18,902 kes sembuh turut dilaporkan dengan jumlah kumulatifnya 1,609,930 kes.

“Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengenal pasti 39 kluster baharu yang terdiri daripada 23 kluster tempat kerja, dan 13 kluster komuniti,” kata beliau.



Tambah Dr Noor Hisham, masing-masing satu kluster kumpulan berisiko tinggi, institut pendidikan swasta dan pusat tahanan turut dikenal pasti.

“Jumlah keseluruhan kluster adalah 4,960 dengan 3,495 daripadanya telah diisytiharkan tamat dan 1,465 kluster masih aktif,” kata beliau.

ANI KRISIS
**ID-19:
 BAKTERIA
 TATA?**

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 HARIAN MENGIKUT KATEGORI 7 SEPT 2021



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	1,880,734	PULIH:	1,609,930	ICU:	977	KEMATIAN:	18,802	KES BAHARU:	18,547	SUDAH DIVAKSIN:	36,745,313
---------------------	-----------	--------	-----------	------	-----	-----------	--------	-------------	--------	-----------------	------------

*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 7 September 2021

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Backlog data kematian sukar dielak, bukan manipulasi

SHAH ALAM - Kerajaan disarankan agar memperincikan setiap jumlah kematian harian yang diumumkan dengan lebih jelas kerana data kes tertunggak atau *backlog* sukar diatasi membabitkan mangsa kematian akibat Covid-19.

Pakar Kesihatan Pekerjaan, Kecemasan dan Kesihatan Awam, Dr Hanafiah Bashirun berkata, ini kerana setiap kematian yang perlu disahkan sama ada akibat jangkitan Covid-19 ataupun tidak, memerlukan pengesahan ujian *Polymerase Chain Reaction (PCR)* dalam tempoh 48 jam.

Bagaimanapun, menurutnya, adalah penting untuk masyarakat faham bahawa meskipun ia adalah data tertunggak, namun kes kematian tersebut tetap berlaku.

"Sukar untuk masukkan data kes kematian harian yang tepat atas beberapa sebab termasuk tempoh pengesahan PCR dan juga kemungkinan terlepas *deadline* untuk memasukkan data yang akan diumumkan untuk esok.

"(Pengumuman) jumlah kes kematian harian itu mungkin perlu diubah atau di-

perincikan lagi dengan lebih spesifik, contohnya maklumkan ia adalah data untuk 24 hingga 48 jam lalu.

"Ia penting agar orang faham kematian itu bukan dalam tempoh 24 jam misalnya. Ini kerana apa yang didedahkan ketika ini diumumkan sebagai data harian iaitu hari ini," katanya pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kenyataan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar bahawa kadar kematian harian akibat Covid-19 di Lembah Klang tidak merujuk kepada keadaan sebenar disebabkan data kes tertunggak atau *backlog*.

Khairy menjelaskan, data yang dikeluarkan setiap hari sejak kebelakangan ini bukan kematian dalam tempoh 24 jam, sebaliknya ia adalah data yang dimasukkan selepas kemas kini dibuat.

Mengulas lanjut, Dr Hanafiah berkata, beliau menyambut baik tindakan Khairy dalam usaha memberikan data yang lebih telus sebagaimana sasaran prestasi berkhidmat untuk tempoh 100 hari yang ditetapkan kerajaan.

Beliau menegaskan, meskipun berlaku data kes tertunggak, namun tidak semestinya ia menggambarkan berlaku manipulasi data yang didedahkan kerajaan sebelum ini.

"Bagi saya, kalau kita lihat jumlah kematian ataupun kematian di rumah (BID), kematian itu memang dah berlaku. Itulah jumlahnya dan kematian tetap berlaku, kematian itu adalah benar, Covid-19 adalah perkara yang benar.

"Jangan anggap walaupun ia *backlog* dan sebagainya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau kerajaan cuba memanipulasikan data. Ia adalah kejadian benar tetapi untuk memasukkan data itu, berlaku beberapa halangan bagi kita dapatkan *real time* untuk diumumkan," katanya.

Tambah beliau lagi, masyarakat juga tidak seharusnya berasa selesa dan selamat kononnya angka besar kematian yang diumumkan itu bukan jumlah sebenar.

"Nasihat saya, jangan ambil ringan, jangan buat spekulasi atau tuduh kerajaan memanipulasi tetapi jumlah kematian adalah jumlah yang benar," ujar beliau lagi.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

Medical frontliners all ready to receive booster shots

KUALA LUMPUR: Frontliners are ready to roll up their sleeves for Covid-19 booster shots should the government consider that a third dose is necessary to bolster their immunity against Covid-19.

Dr Bareth Ravindran said the booster jabs would not be any different than the annual influenza vaccine shots.

"Personally, I agree to a booster shot. We have seen the efficacy of vaccines at work, as evidenced by the decreasing number of patients with severe infections (Category 4 and 5)," he told the *New Straits Times*.

Another house officer from Perak, who only wished to be known as Dr Alif, also encouraged medical frontliners to take booster shots if scientific studies suggest-

ed that a third dose could offer a more robust protection against newer Covid-19 variants.

"Scientifically, there are not enough studies available to prove the efficacy of a booster shot yet.

"However, if it is for the greater good, frontliners should proceed to go for it.

"Frontliners are the ones who hold the fort, so if they fall first, everyone else falls in tandem.

"If their immunity is not bolstered, we might be in bigger trouble in terms of risk of re-infection with newer virus variants, which

may be devastating," he said.

On Aug 26, Association of Private Hospitals Malaysia presi-

dent Datuk Dr Kuljit Singh proposed for the government to administer Covid-19 booster shots to healthcare workers once the country notches a reasonable percentile of a fully-vaccinated population.

Under the Covid-19 National Immunisation Programme, which began in late February, it would have been six months since the first batch of fully vaccinated healthcare workers completed their inoculation.

However, if it is for the greater good, frontliners should proceed to go for it.

DR ALIF
house officer in Perak



A nurse conducting a health check before administering the Covid-19 vaccine in Tumpat yesterday. Frontliners are ready for a third dose of vaccination if it offers more robust protection against newer Covid-19 variants. PIC BY NIK ABDULLAH NIK OMAR

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION/NEWS

PANDEMIC UPDATE

18,547 new Covid-19 cases recorded

KUALA LUMPUR: Malaysia reported 18,547 new cases up to noon yesterday, taking the national toll to 1,880,734. Of the daily tally, 18 were imported cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said for two consecutive days, Sarawak continued to contribute the highest number of infections at 3,200 followed by Selangor at 2,407.

Johor recorded 2,174 cases, followed by Sabah (2,107), Penang (1,776), Kedah (1,487), Kelantan (1,458) and Perak (1,197).

"Pahang reported 742 new cases, followed by Terengganu (645), Kuala Lumpur (631), Melaka (448) and Negri Sembilan (229).

"Putrajaya reported 22 cases, Perlis 20 and Labuan four cases," Dr Noor Hisham said.

The number of deaths up to noon yesterday was 311, bringing the death toll to 18,802.

The number of daily recoveries was 18,902 cases. Up to 5pm yes-



Nurse Suzana Minsion, 41, making preparations for the vaccination of children aged 12 to 17, at the Kota Sentosa health clinic in Kuching yesterday. PIC BY NADIM BOKHARI

terday, 977 patients were being treated at the Intensive Care Units (ICU), with 447 requiring ventilator support.

The bed occupancy rate at ICUs for Covid-19 patients stood at 68 per cent (1,561 beds used), while non-ICU bed occupancy rate was at 72 per cent (17,885 beds used).

Dr Noor Hisham, however, said the ICU bed usage in Kedah and Perak was more than 100 per cent.

"The ICU bed usage in Kedah is at 102 per cent (104 beds used) and 111 per cent (90 beds used) in Perak."

In Kelantan, the ICU bed usage is at 95 per cent (85 beds used), followed by Johor at 91 per cent (110 beds), Perlis (91 per cent/11 beds), Sabah (90 per cent/143 beds), Sarawak (83 per cent/120 beds), Selangor (75 per cent/317 beds) and Kuala Lumpur (73 per cent/187 beds).

The states with ICU bed usage below 70 per cent were Terengganu (65 per cent/39 beds), Pahang (63 per cent/66 beds), Penang (51 per cent/73), Melaka (50 per cent/90 beds), Negri Sembilan (26 per cent/88 beds), Putrajaya (25 per cent/20 beds) and Labuan (0 per cent).

For non-ICU beds, the occupancy rate nationwide was at 72 per cent (17,885 beds used). **By Nor Ain Mohamed Radhi**

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Change on the horizon for S'wak

State could be moving towards endemic phase soon, says Khairy

By MUGUNTAN VANAR
and SHARON LING
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: The mild form of Covid-19 infections in Sarawak indicates a shift towards the endemic phase as the country achieves herd immunity, says Khairy Jamaluddin.

The Health Minister said that with Sarawak having reached the 80% herd immunity target, the state would be a good example, but further studies were needed to properly gauge the situation.

"Although the number of cases is high, 99% are mild or asymptomatic."

"Only four of the 3,714 cases recorded on Monday were serious," he told reporters after witnessing the single-dose CanSino vaccination drive for islanders in Pulau Lারণ in Semporna yesterday.

Khairy said that with the population in Sarawak already achieving herd immunity, it was clear that those who tested positive were only mildly infected.

"Even if there are a lot of cases, the majority are mild," he said, adding they would study further the situation in the state and the effects of variants of concern such as Delta.

Yesterday, Sarawak recorded 3,200 daily cases, also the highest among the states.

On the mobile vaccination drive, Khairy said the single-dose CanSino vaccine would be used for people on the islands, as well as those in the interior.

A total of 16,000 doses of CanSino would be sent to Semporna, he said, adding that single-dose vaccines were more suitable for those residing on islands or in remote areas.



Everything's going smoothly: Khairy (centre) checking the registration process for the vaccination drive for islanders in Pulau Lারণ in Semporna. — Bernama

Khairy also said the general policy of the government was to vaccinate everyone regardless of whether they were documented or not.

"No one will be safe until everyone is safe," he added.

Separately in Kuching, Datuk Seri Dr Sim Kui Hian said the current wave of Covid-19 in Sarawak was due to the highly infectious Delta variant, but most of the cases were not severe due to the high vaccina-

tion rate.

The state disaster management committee adviser added that the public should not panic over the high numbers, but should instead stay alert to help stop local transmissions and prevent the healthcare system from collapsing.

"Sarawak is the first state to experience a post-vaccination outbreak. "With a high vaccination rate, there is a significant drop in the

severity of the disease and deaths," he said when contacted.

As of Monday, 87.7% of the state's adult population had been fully vaccinated.

Dr Sim said Sarawak must now learn to live with the virus as it prepares to enter the endemic phase.

He said weekly self-testing for workers using antigen rapid test kits might be necessary for businesses to reopen safely and

more sustainably.

"We still need everyone to follow the standard operating procedure and continue with non-pharmaceutical interventions and public health measures," he added.

Watch the video
TheStarTV.com



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Daily recoveries continue to outnumber new cases

PUTRAJAYA: For seven days straight, the total of daily Covid-19 recoveries in the country have outnumbered new cases.

In his Covid-19 statement yesterday, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there were 18,547 new cases and 18,902 recoveries in the same 24-hour span.

Since the pandemic began, Malaysia has had 1.8 million positive cases and 1.6 million recoveries.

The total of active Covid-19 cases continued its downward trend, with the latest figure standing at 252,002.

Overall, 91.5% of yesterday's

18,547 cases were made up of either unvaccinated individuals (76%) or those who had not completed their vaccination (14.9%).

About 98% of the cases were mild and asymptomatic infections, with only 308 cases (1.66%) in Categories 3, 4 and 5.

"This situation clearly shows that individuals who are fully vaccinated are more protected and also less at risk of getting a severe Covid-19 infection.

"This positive development continues to be seen as Malaysia reaches higher vaccination rates.

"So those who have not been vaccinated are advised to quickly get

jabbed to protect the people around them from the possibility of being infected with Covid-19.

"At the same time, the community is reminded to continue complying with Covid-19 standard operating procedures (SOPs) to reduce the chances of being infected," said Dr Noor Hisham.

Yesterday, Sarawak continued to have the most infections among all states with 3,200 new cases.

Selangor was second with 2,407 cases, followed by Johor (2,174) and Sabah (2,107).

The national infectivity rate is now at an RT level of 0.96.

In terms of intensive care unit

(ICU) rates, the country's bed occupancy rates continued to fall, with only Kedah and Perak operating above 100% of their ICU capacity.

Dr Noor Hisham said the country's ICU usage rate is at 68% (as of Sept 6) - down from 86% the previous day.

Kedah's ICU usage is down to 102% from 123% of its 104-bed capacity.

Perak, which has a capacity of 90 ICU beds, saw its usage increase from 108% to 111%.

Kelantan, which reported 103% usage of its 85 ICU beds on Sunday, saw a fall to 95% on Monday.

Sabah (90% out of 143 ICU beds), Johor (91% out of 110 beds) and Perlis (91% of 11 beds) are the other states reporting more than 90% ICU bed usage.

Selangor's ICU usage has decreased to 75% (out of 317 beds) from 96%, while Kuala Lumpur's figure has gone up from 54% to 73% (out of 187 beds).

Sarawak's ICU bed occupancy has also gone upwards - from 73% to 83% (out of 120 beds).

In terms of Covid-19 non-ICU beds, the nationwide occupancy rate as of Sept 6 was at 72% (out of 17,885 beds), which is a decrease from 76% the previous day.